

B 8804
MAHATHIR - TOKOH

KUALA LUMPUR, 7 DIS (BERNAMA) -- DATUKSERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI BERKATA, KEBANGKITAN KESEDARAN ISLAM PADA MASA INI TIDAK AKAN MEMBERI APA-APAKNA JIKA UMAT ISLAM HANYA DAPAT MENGAGUNG-AGUNGKAN PEMERINTAHAN ISLAM PADA ZAMAN PARA SAHABAT NABI SAHAJA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA KEBANGKITAN ISLAM DI ZAMAN INI HENDAKLAH MERANGKUMI BIDANG-BIDANG EKONOMI, PENDIDIKAN DAN POLITIK, KERANA HANYA UMAT ISLAM YANG KUKUH DAN TEGAP DALAM BIDANG BERKENAAN AKAN DIHORMATI DAN BERMARUAH TINGGI.

TUGAS MEMULIHKAN EKONOMI UMAT ISLAM BERKAIT RAPAT DENGAN USAHA MEMULIHKAN MARUAH UMAT ISLAM ITU SENDIRI, YANG KINI BERADA PADA TAHAP YANG AMAT MENDUKACITAKAN, KATANYA KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS MEMPERINGATI JASA TOKOH-TOKOH LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI DI BANGUNAN TABUNG HAJI, DISINI.

SELARAS DENGAN ITU, BELIAU MENGGESA UMAT ISLAM SUPAYA TIDAK MENGHADKAN USAHA KEPADA SATU-SATU SUMBER SAHAJA, TETAPI HENDAKLAH MENGGUNAKAN SEGALA SUMBER YANG ADA DEMI KEBAIKAN UMMAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: "UMAT ISLAM TIDAK AKAN SAMPAI KE MANA-MANA JIKA KITA HANYA BERGANTUNG KEPADA PENGETAHUAN DAN PENGALAMAN YANG DIPEROLEHI HANYA DI ANTARA KITA SAHAJA." -- LAGI
2232MST 07 12 87

B 8805
MAHATHIR - TOKOH 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA DAKWAAN SESETENGAH PIHAK BAHAWA BEKERJASAMA DENGAN BUKAN ISLAM MENYALAH I KEHENDAK ISLAM, ADALAH BUKAN SAHAJA TIDAK BERLANDASKAN AJARAN ISLAM TETAPI JUGA AKAN MELEMAHKAN DAN MERUNTUHKAN UMAT ISLAM SENDIRI.

DATUKSERI DR MAHATHIR BERKATA TABUNG HAJI HENDAKLAH TERUS BERUSAHA DAN BERKEMBANG DALAM BIDANG PELABURAN, DI SAMPING MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN YANG BAIK, DAN CEKAP KEPADA JEMAAH HAJI.

BELIAU JUGA MENGULANGI HARAPANNYA AGAR TABUNG HAJI MENERUSKAN PERANAN MEMULIHKAN EKONOMI UMAT ISLAM DENGAN LEBIH GIGIH KERANA WALAUPUN TERDAPAT KIRA-KIRA 7 JUTA UMAT ISLAM DI NEGARA INI, HANYA 1.2 JUTA ORANG MENYIMPAN DENGAN TABUNG HAJI.

PURATA SIMPANAN SETIAP PENYIMPAN TABUNG HAJI KINI AGAK RENDAH IAITU ANTARA \$400 SEHINGGA \$500 SEORANG, KATANYA Sambil MENGGESA SEMUA PIHAK BERUSAHA MENINGKATKAN JUMLAH SIMPANAN PURATA SETIAP PENYIMPAN KEPADA SEKURANG-KURANGNYA \$1,000 SEORANG.

BELIAU JUGABERKATA TABUNG HAJI PERLU MELIHAT PENGENDALIAN JEMAAH HAJI DALAM PERSPEKTIF YANG LEBIH LUAS, KERANA RAKYAT YANG MENERJAKAN HAJI DI TANAH SUCI SEDIKIT SEBANYAK MEMBERI KESAN TERMASUK DARIPADA SEGI SIKAP, CARA BERFIKIR DAN SOSIO-EKONOMI MASYARAKAT. -- LAGI

2236MST 07 12 87

D121

B 8806 DEB
MAHATHIR - TOKOH 3 KUALALUMPUR

TABUNG HAJI DAN PIHAK BERKENAAN MUNGKIN OAPAT MENKKAJ I IMPLIKASI JEMAAH HAJI YANG MENUNAIKAN RUKUN ISLAM KELIMA ITU LEBIH DARIPADA SEKALI, IAITU BUKAN SAHAJA DALAM SOAL HUKUM TETAPL JUGA DARIPADA SEGI KESANNYA KEPADA MASYARAKAT, EKONOMI NEGARA DAN KAWALAN KEAMANAN DI ARAB SAUDI, KATA BELIAU.

+SEPERTI YANG LTA MAKLUMI, NABI MUHAMMAD S.A.W SENDIRI MENERJAKAN HAJI SEKALI SAHAJA SEUMUR HIDUP BAGINDA, +KATA BELIAU Sambil menambah kata bahawa +KITA KE MEKAH BUAT KALI KEDUA SEKIRANYA MAMPU DAN DIFIKIRKAN PEMERGIAN YANG PERTAMA TIDAK BEGITU SEMPURNA. +

MUNGKIN ITU DAPAT MEMBERIKAN PANDUAN KEPADA MEREKA YANG MENUNAIKAN RUKUN HAJI LEBIH SEKALI BAHAWA PELBAGAI AMALAN SEPERTI MEMBANTU FAKIR MISKIN, MEMBIAYAI PROJEK AGAMA DAN USAHA LAIN JUGA DITUNTUT OLEH ALLAH, KATA BELIAU.

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERHARAP KAJIAN ITU AKAN DIBUAT DENGAN MENYELURUH DAN MENDALAM BAGI MENGELAKKAN SALAH SANGKA, KERANA JIKA TIDAK AKAN TIMBUL PULA TOHMAHAN YANG AKHIRNYA MEMBAWA KEPADA PANDANGAN NEGATIF.

CADANGAN ITU HENDAKLAH DIFIKIRKAN SECARA TERBUKA DAN TIDAK DITAKRIFKAN SEBAGAI GALAKKAN MEMBELANJAKAN REZEKI YANG LEBIH ITU KEPADA HAL-HAL DUNIAWI, SEBALIKNYA UNTUK USAHA YANG DITUNTUT OLEH ISLAM, KATA PERDANA MENTERI. -- LAGI
2241MST 07 12 8 7

D130

B 8809 DEB
MAHATHIR - TOKOH 4 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA BERKATA DALAM MENJALANKAN KAJIAN SEUMPAMA ITU, PANDANGAN INSTITUSI AGAMA ISLAM YANG LAIN HARUSLAH DIPEROLEHI SUPAYA WUJUD PERPADUAN DALAM SEBARANG PANDUAN YANG AKAN DIKEMUKAKAN KELAK.

DATUK SERI SR MAHATHIR KEMUDIAN MENYAMPAIKAN CENDERAMATA KEPADA TOKOH TABUNG HAJI IAITU NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYA, PROF DIRAJA UNGKU AZIZ YANG MENGEMUKAKAN KERTAS-KERJA KEPADA KERAJAAN YANG MENCADANGKAN PENUBUHAN BADAN BERKENAAN.

KETIKA DITEMUI OLEH PEMBERITA, PROF DIRAJA UNGKU AZIZ BERKATA BELIAU MEMPEROLEH IDEA UNTUK MENUBUHKAN TABUNG HAJI HASIL PENYELIDIKANNYA DI KAWASAN LUAR BANDAR BAGI MEMSANTU DAN MEMUDAHKAN UMAT ISLAM MENUNAIKAN IBADAT HAJI.

BELIAU BERKATA TABUNG HAJI KINI PERLU MEMBERIKAN PERKHIDMATAN YANG LEBIH MELUAS DAN MEMIKIRKAN CARA-CARA YANG BERSEBUAIAN DENGAN PRINSIP ISLAM UNTUK MENGGUNAKAN WANG PELABURAN PAR4 PENYIMPAN.

SEBELUMI TV, Pengerusi Tabung Haji Datuk Haji Mohd Shamsuddin Haji Mohd Yaacob dalam ucapannya berkata Pengarah Besar Tabung Haji, Datuk Haji Hanafiah Haji Ahmad akan mengambil alih tugasnya mulai awal tahun depan. -- LAGS
2258MST 07 12 6 7

D131

B 8810 DEB
MAHATHIR - TOKOH 5 KUALA LUMPUR

BELIAU YANG MENJADI Pengerusi Badan itu selama 11 tahun, berkata Haji Ahmad Yeop Abdul Hamid (Timbalan Pengarah Tabung Haji sekarang) akan memegang jawatan Pengarah Besar mulai tempoh itu.

SEMENTARA ITU, DATUK HAJI HANAFIAH DIUMUMKAN PADA MAJLIS ITU SEBAGAI PENERIMA PERTAMA ANUGERAH KETUA EKSEKUTIF CEMERLANG 1987 OLEH PERSATUAN PRODUKTIVITI MALAYSIA. -- BERNAMA
2259MST 07 12 8 7